



The Observer

12.01.2024

❖ Ke mana hala tuju Kuchai selepas ini? Cadangan pelupusan membuka ruang kepada pelbagai senario

Mereka bukan syarikat berprofil tinggi namun Kuchai Development Berhad (Kuchai) dan Syarikat Getah Sungei Bagan (Malaya) Berhad (Sg Bagan) baru-baru ini mencuri perhatian ramai dengan pelaksanaan korporat secara besar-besaran yang akan menyelaraskan struktur dan menyatukan aset kedua-dua syarikat itu.

Pada 29 Disember 2023, Kuchai mengumumkan cadangan untuk melupuskan kesemua aset dan liabilitinya kepada Sg Bagan pada harga RM275.5 juta (Cadangan Pelupusan), yang akan dipenuhi sepenuhnya melalui penerbitan 27.52 juta saham Sg Bagan baharu pada harga terbitan RM10.01 sesaham.

Sehubungan itu, Kuchai akan memegang 29.37% kepentingan dalam Sg Bagan, yang mana saham itu akan diagihkan kepada pemegang saham Kuchai (Cadangan Pengagihan) melalui cadangan pembayaran balik dan pengurangan modal serta cadangan *dividend-in-specie*. Sebaliknya, pemegang saham Kuchai akan mendapat pendedahan langsung kepada Sg Bagan.

Bagi setiap 1,000 saham yang dimiliki oleh pemegang saham Kuchai, mereka berhak mendapat 222 saham Sg Bagan di bawah cadangan itu. Pemegang saham mengawal, Kluang Rubber Co (Malaya) Bhd (Kluang Rubber) akan mendapat bahagian paling besar daripada saham Sg Bagan yang diagihkan.

Untuk makluman, ini merupakan kali kedua Kuchai mengagihkan sahamnya dalam Sg Bagan selepas mengagihkan 26.51% kepentingannya dalam Sg Bagan kepada para pemegang saham pada September 2022.

Kuchai dan Sg Bagan berkongsi aktiviti perniagaan yang sama iaitu dalam pegangan pelaburan dan penyewaan hartanah. Sg Bagan juga menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit. Kedua-dua syarikat dikawal oleh pemegang saham utama biasa, Kluang Rubber, yang memiliki 42.2% kepentingan dalam Kuchai dan 43.5% di Sg Bagan.

Apakah yang bakal menanti Kuchai dan Sg Bagan?

Cadangan pelupusan itu akan membolehkan gabungan sinergi antara Kuchai dan Sg Bagan seterusnya menyatukan pelaburan mereka ke dalam Sg Bagan.

Untuk pemegang saham Kuchai, Cadangan Pengagihan ini akan memberikan peluang kepada pemegang saham yang berhak untuk mengambil bahagian dalam prospek dan pertumbuhan Sg Bagan yang semakin besar pada masa hadapan, yang bakal mengambil alih aset dan liabiliti dalam Kuchai.

Selepas selesai Cadangan Pengagihan, satu-satunya aset dan liabiliti yang tinggal dalam Kuchai ialah tunai dan baki bank berjumlah RM83.81 juta, peralatan, prabayaran, hutang-hutang lain, cukai perlu dibayar dan liabiliti cukai tertunda. Ini mungkin menyebabkan Kuchai diklasifikasikan sebagai "Syarikat Tunai" yang akan memerlukan pelan penyusunan semula.

Kuchai menyatakan mereka berhasrat untuk mengekalkan statusnya sebagai syarikat tersenarai. Oleh itu, mereka akan berusaha sehabis baik untuk mengenal pasti perniagaan dan aset baharu yang berpotensi untuk diambil alih. Tambahan pula, pemegang saham Kuchai perlu mengambil perhatian bahawa kejayaan pelaksanaan rancangan penyusunan semula mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk menjadi kenyataan. Jika semuanya gagal, baki tunai berjumlah RM83.81 juta yang berada dalam Kuchai perlu dikembalikan kepada pemegang sahamnya.

Lagipun, pengiraan kasar (seperti yang ditunjukkan di bawah) untuk menentukan nilai anggaran Kuchai menunjukkan bahawa harga penutupnya iaitu RM1.55 pada 11 Januari berkemungkinan lebih tinggi berbanding harga yang ditunjukkan dalam kertas cadangan.

$$\begin{aligned} & \text{Tunai dan baki bank Kuchai selepas Cadangan Pelupusan + (Jumlah saham baharu Sg Bagan yang} \\ & \text{akan diterbitkan x harga penutup saham Sg Bagan pada 11 Januari 2024)} \\ = & \frac{\hspace{10em}}{\text{Jumlah saham Kuchai pada 18 Disember 2023}} \\ & = \frac{\text{RM83.81 juta} + (\text{27.52 juta} \times \text{RM4.41})}{\text{123.75 juta saham}} \\ & = \text{RM1.66 untuk setiap saham Kuchai} \end{aligned}$$

Buat masa ini, pergerakan saham Kuchai sebahagian besarnya bergantung kepada jatuh bangun Sg Bagan.

Kumpulan Sg Bagan akan meneruskan perniagaan yang sedia ada iaitu pengeluaran dan penjualan tandan buah kelapa sawit segar serta pelaburan portfolio jangka panjang dalam sekuriti manakala anak syarikat milik penuhnya terlibat dalam pegangan pelaburan.

Pada penutup hari dagangan pada 11 Januari, Sg Bagan didagangkan pada RM4.41 berbanding RM3.23 sebelum pengumuman cadangan, yang mencadangkan bahawa pelabur memandangkan positif cadangan tersebut. Pergerakan menaik harga saham Sg Bagan juga dilihat positif oleh pemegang saham minoriti Sg Bagan.

Cadangan Pelupusan itu dianggap sebagai urusan niaga pihak berkaitan menurut Perenggan 10.08 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (*Main Market Listing Requirements*, MMLR) memandangkan terdapat kepentingan pengarah tertentu dan pemegang saham utama Kuchai.

Di samping itu, urus niaga tersebut dianggap sebagai pelupusan secara besar-besaran menurut Perenggan 10.02(eA) MMLR kerana ia melibatkan pelupusan sebahagian besar aset Kuchai kepada Sg Bagan, yang mungkin menyebabkan Kuchai tidak lagi sesuai untuk terus disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Oleh yang demikian, Mercury Securities Sdn Bhd telah dilantik sebagai penasihat bebas (*independent advisor*, IA) kepada Kuchai untuk menasihati pengarah tidak berkepentingan dan pemegang saham tidak berkepentingan Kuchai mengenai Cadangan Pelupusan itu. Pada masa yang sama, Public Investment Bank Berhad telah dilantik sebagai IA untuk memberikan penilaian bebas terhadap pelaksanaan itu kepada pengarah tidak berkepentingan dan pemegang saham tidak berkepentingan Sg Bagan.

Pemegang saham minoriti perlu menunggu pekeliling daripada penasihat bebas mengenai pelaksanaan cadangan itu untuk mendapatkan maklumat sebelum membuat sebarang keputusan.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 15 hingga 19 Januari 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
17.01.24 (Rabu) 10.00 pagi	Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, F&N mencatatkan pencapaian yang memecahkan rekod buat kali pertama, dengan pendapatan tahunannya melebihi paras RM5 bilion (tahun kewangan 2022: RM4.47 bilion).</p> <p>Pada masa yang sama, untung bersihnya melonjak 40% atau RM153.69 juta kepada RM536.9 juta, berbanding RM383.2 juta setahun yang lalu.</p> <p>Lonjakan ketara dalam untung bersih merangkumi keuntungan daripada pengukuran semula yang tidak berulang ke atas kepentingan ekuiti yang dipegang sebelum ini dalam Cocoland Holdings Berhad berjumlah RM89.26 juta serta penyatuan sumbangan kewangan daripada Cocoland.</p>

<p>18.01.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Concrete Engineering Products Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM1.15 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM0.34 juta pada tahun kewangan berakhir 2022.</p> <p>Peningkatan dalam untung sebelum cukai sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pengawalan kos operasi dan diimbangi oleh peruntukan untuk penurunan nilai saksama ke atas pelaburan disebut harga.</p>
<p>19.01.24 (Jumaat) 02.00 petang</p>	<p>Prolexus Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, untung bersih Prolexus mencatatkan peningkatan 112% kepada RM19.9 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM9.4 juta) meskipun mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM223.2 juta pada tahun tersebut (tahun kewangan berakhir 2022: RM237.4 juta).</p> <p>Peningkatan untung bersih sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan daripada pelaburan lain, termasuk keuntungan nilai saksama ke atas pelaburan lain sebanyak RM11.7 juta dan keuntungan daripada pelupusan pelaburan lain sebanyak RM17.3 juta.</p> <p>Jika dikecualikan keuntungan daripada pelaburan lain, Prolexus akan berada dalam kedudukan rugi daripada perniagaan terasnya.</p>
<p>19.01.24 (Jumaat) 02.30 petang</p>	<p>Prolexus Berhad (EGM)</p>	<p>Prolexus berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <p>(i) Cadangan Terbitan Hak Boleh Ditebus sehingga RM102.6 juta Saham Pinjaman Tak Bercagar Boleh Tukar Tak Boleh Tebus (<i>Irredeemable Convertible Unsecured Loan Stocks, ICULS</i>) untuk tempoh lima tahun.</p> <p>(ii) Cadangan penubuhan Skim Saham Pekerja (<i>Employee Share Scheme, ESS</i>)</p>

		<p>(iii) Cadangan peruntukan pemberian saham Prolexus dan/ atau skim opsyen saham pekerja (<i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i>) kepada pengarah.</p> <p>Hasil yang diperoleh daripada Cadangan Terbitan Hak ICULS bertujuan digunakan bagi pemasangan sistem fotovoltan solar di atas bumbung, sebagai modal kerja, pembayaran balik pinjaman bank, pemerolehan dan/ atau pelaburan dalam aset dan/ atau perniagaan.</p>
--	--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:												
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan											
Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	<p>F&N merancang untuk melaburkan sejumlah RM1.3 bilion dalam tempoh dua tahun akan datang bagi menyiapkan fasa pertama ladang tenusu bersepadu di Ladang Permai Damai di Gemas, Negeri Sembilan, menjelang awal 2025.</p> <p>Perahan susu pertama dijangka pada awal 2025, yang mana sekumpulan 2,000 ekor lembu mampu menghasilkan kira-kira 20 juta liter setahun.</p> <p>a) Perbelanjaan modal yang intensif ini mungkin menjejaskan keuntungan F&N. Sila kongsi kesan jangka pendek dan jangka sederhana daripada perbelanjaan modal yang begitu besar ke atas prestasi kewangan Kumpulan iaitu dari sudut kunci kira-kira, aliran tunai dan pembayaran dividen masa hadapan.</p> <p>b) Setelah selesai fasa pertama pada tahun 2025, berapakah anggaran perbelanjaan modal untuk fasa kerja yang berikutnya? Sila huraikan struktur pembiayaan yang dicadangkan untuk fasa pengembangan seterusnya.</p>											
Concrete Engineering Products Berhad (AGM)	<p><u>Prestasi kewangan</u></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2"></th> <th colspan="2">Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos</th> </tr> <tr> <th>2023 RM'000</th> <th>2022 (Dinyatakan semula) RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pendapatan</td> <td>132,680</td> <td>148,276</td> </tr> <tr> <td>Keuntungan operasi</td> <td>3,768</td> <td>634</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Sumber: Halaman 17, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas, walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih rendah tahun ke tahun, CEPCO mencapai keuntungan operasi berjumlah RM3,768,000 pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM634,000</p>		Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		2023 RM'000	2022 (Dinyatakan semula) RM'000	Pendapatan	132,680	148,276	Keuntungan operasi	3,768	634
	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos											
	2023 RM'000	2022 (Dinyatakan semula) RM'000										
Pendapatan	132,680	148,276										
Keuntungan operasi	3,768	634										

	<p>pada tahun kewangan berakhir 2022. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 494.32% atau RM3,134,000.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan CEPCO mencatatkan peningkatan luar biasa dalam keuntungan operasi? Adakah prestasi yang menggalakkan daripada operasi ini mampu dikekalkan? Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan keuntungan operasi akan terus meningkat pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>b) Bagaimanakah prospek pendapatan Kumpulan daripada pasaran tempatan dan eksport pada tahun kewangan berakhir 2024?</p>
<p>Prolexus Berhad (AGM)</p>	<p>Margin untung kasar (<i>gross profit margin</i>, GPM) Kumpulan menyusut sepanjang tiga tahun kewangan yang lalu kepada 14% pada tahun kewangan 2023 daripada 17% pada tahun kewangan 2022 dan 18% pada tahun kewangan 2021. GPM untuk suku pertama 2024 terus menurun kepada 7% berdasarkan pengumuman syarikat bertarikh 28 Disember 2023.</p> <p>Apakah faktor dalaman dan luaran yang mengakibatkan penurunan GPM pada tahun kewangan berakhir 2023? Adakah Kumpulan membuat apa-apa penurunan nilai terhadap inventori selepas tahun kewangan berakhir 2023?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
 Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual

atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.